



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**10 MAC 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,154 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 357,046 kes. Sebanyak empat (4) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Sandakan, Kota Belud, Tenom, dan Keningau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,817 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 323,931 orang. Manakala 1,182 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 808 orang di hospital, 352 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 17 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan lima (5) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 58 orang merangkumi 50 di ICU/repurposed kritikal *care* serta lapan (8) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah kembali mencatatkan penurunan kes harian dengan 1,154 kes baharu, iaitu 198 kes lebih rendah daripada jumlah jangkitan semalam.
- b. Walau bagaimanapun peratusan kes bergejala yang berpunca daripada jangkitan sporadik kekal tinggi pada 60.40% daripada jumlah kes keseluruhan. Kes bergejala secara konsisten merupakan kategori kes terbanyak di kebanyakan daerah di Sabah. Hari ini 21 daripada 27 daerah merekodkan kes bergejala /jangkitan sporadik sebagai penyumbang utama kes-kes baharu .
- c. Satu (1) kluster tempat kerja iaitu Kluster Persiaran Palma diisytiharkan tamat hari ini. Kluster ini melibatkan lokaliti Tuaran, Papar dan Penampang. Sebanyak 30 kluster lagi masih aktif di Sabah.
- d. Hanya dua (2) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka hari ini, iaitu Kota Kinabalu (265 kes) dan Papar (109 kes). 19 daerah lagi mencatatkan kes dua (2) angka, empat (4) daerah iaitu Nabawan, Kunak, Tongod dan Kalabakan mencatat satu (1) angka dan daerah Semporna menjadi daerah tunggal yang tidak mencatatkan sebarang kes baharu.
- e. Sebanyak 1,138 atau 98.61% daripada 1,154 kes-kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, tujuh (7) kes dalam Kategori 3, lima (5) kes dalam Kategori 4 dan empat (4) kes dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	302	26.17%
3	Bergejala	697	60.40%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	155	13.43%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,154</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (9 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 09/03/2022</b>	<b>Catatan Kes 10/03/2022</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Beaufort	48	86	+38
2	Sandakan	48	76	+28
3	Putatan	30	40	+10
4	Telupid	4	11	+7
5	Kinabatangan	8	14	+6
6	Beluran	13	18	+5
7	Kota Marudu	33	36	+3
8	Kudat	18	20	+2
3	Kunak	6	7	+1
10	Kalabakan	3	3	Mendatar
11	Kota Kinabalu	365	265	-100
12	Penampang	119	65	-54
13	Tenom	58	25	-33
14	Tuaran	113	91	-22
15	Ranau	36	18	-18
16	Tambunan	33	20	-13
17	Kota Belud	38	27	-11
18	Lahad Datu	39	29	-10
19	Tawau	47	39	-8
20	Tongod	12	5	-7
21	Keningau	64	57	-7
22	Kuala Penyu	38	35	-3
23	Sipitang	36	33	-3
24	Nabawan	12	9	-3
25	Papar	111	109	-2
26	Pitas	18	16	-2
27	Semporna	2	0	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>1,352</b>	<b>1,154</b>	<b>-198</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	35	184	0	46	265	9225
Papar	0	48	54	0	7	109	2077
Tuaran	0	40	45	0	6	91	2385
Beaufort	0	14	66	0	6	86	1234
Sandakan	0	15	52	0	9	76	984
Penampang	0	15	43	0	7	65	2537
Keningau	0	20	31	0	6	57	1351
Putatan	0	13	22	0	5	40	1604
Tawau	0	2	32	0	5	39	1206
Kota Marudu	0	14	17	0	5	36	729
Kuala Penyu	0	22	12	0	1	35	548
Sipitang	0	10	19	0	4	33	633
Lahad Datu	0	2	13	0	14	29	608
Kota Belud	0	9	16	0	2	27	1238
Tenom	0	2	22	0	1	25	815
Kudat	0	3	15	0	2	20	327
Tambunan	0	2	11	0	7	20	468
Ranau	0	2	8	0	8	18	484
Beluran	0	9	6	0	3	18	256
Pitas	0	11	3	0	2	16	331
Kinabatangan	0	4	4	0	6	14	218
Telupid	0	7	4	0	0	11	246
Nabawan	0	1	6	0	2	9	239
Kunak	0	2	4	0	1	7	136
Tongod	0	0	5	0	0	5	197
Kalabakan	0	0	3	0	0	3	85
Semporna	0	0	0	0	0	0	72
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>302</b>	<b>697</b>	<b>0</b>	<b>155</b>	<b>1,154</b>	<b>30,233</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,903 unit

- Hospital 1,713 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,893 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.73%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 10 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,139
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	11
<b>Jumlah</b>	<b>1,154</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Rusia	1
Turki	1
Papua New Guinea	1
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,113
Bukan Malaysia	41
<b>Jumlah</b>	<b>1,154</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	62
Belum Menerima Vaksin (5-11)	34
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	58
Menerima 1 Dos	16
Lengkap 2 Dos	608
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	376
<b>Jumlah</b>	<b>1,154</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	19
1-4	43
5 -11	48
12-17	48
18-29	318
30-39	271
40-49	159
50-59	119
60-69	73
70-79	37
80-89	17
>90	2
<b>Jumlah</b>	<b>1,154</b>

**C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 9 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 9,813 orang. Daripada jumlah ini, seramai 7,584 orang adalah penduduk dewasa, 121 orang adalah penduduk remaja 2,108 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 9 Mac 2022 adalah seramai 2,533,212 orang. Ini meliputi 2,129,520 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.39% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,403,187 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,087,475 orang atau 76.84% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 331,683 orang atau 77.82% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 315,712 atau 74.08% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 72,009 atau 17.50% orang telah menerima 1 dos vaksin.



## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **684,087** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 192 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 55 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1073 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 211 premis perniagaan dan 271 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 47 Premis Perniagaan melibatkan 21 anggota APM.

- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 111 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 314 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.7%
2	Sipitang	98.6%
3	Kinabatangan	98.6%
4	Kudat	98.6%
5	Kota Kinabalu	98.5%
6	Keningau	98.5%
7	Tenom	98.4%
8	Kota Marudu	98.4%
9	Kota Belud	98.4%
10	Beaufort	98.4%
11	Beluran	98.4%
12	Sandakan	98.4%
13	Papar	98.3%
14	Tawau	98.3%
15	Lahad Datu	98.3%
16	Semporna	98.2%
17	Ranau	98.2%
18	Penampang	98.2%
19	Tuaran	98.2%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**